



KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR

NAMA KURSUS : PEREKRUTAN DAN PEMILIHAN PEKERJA
KOD KURSUS : DSM2143
PEPERIKSAAN : JUN 2023
MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (40 Markah)
BAHAGIAN B (60 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Kertas Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 13 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN



BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab **semua** soalan pada Kertas Jawapan.

1. Manakah antara berikut merupakan faktor luaran yang paling penting bagi mengawal pengambilan pekerja?
 - A Pasaran buruh.
 - B Kadar pengangguran.
 - C Faedah dan pampasan.
 - D Permintaan dan penawaran.
2. Di bawah merupakan tema Hari Pekerja bagi tahun 2022.

Pekerja Tonggak Keluarga Malaysia dalam Pemulihan Negara

Pernyataan 1

Berdasarkan pernyataan 1, apakah mesej yang hendak disampaikan oleh pihak kerajaan kepada seluruh pekerja di Malaysia?

- A Pekerja perlu berinovatif bagi tujuan peningkatan produktiviti ekonomi negara.
- B Kepentingan hubungan persaudaraan dalam mempercepatkan proses pemulihan negara.
- C Pekerja diharap menjadi lebih bermotivasi dan produktif dalam proses pemulihan ekonomi negara.
- D Pekerja yang berkebolehan dalam pelbagai bidang memberikan manfaat kepada organisasi dan negara.

3. Bagaimanakah perancangan sumber manusia membantu dalam mengekalkan pekerja dalam organisasi?
- A Mewujudkan program pembangunan kerjaya kepada pekerja yang sedia ada.
 - B Organisasi berperanan menyediakan deskripsi kerja berkaitan pengetahuan, kemahiran dan keupayaan pekerja.
 - C Perancangan sumber manusia boleh membekalkan maklumat tentang keperluan sumber manusia bagi memudahkan proses perekrutan.
 - D Perancangan sumber manusia bertindak sebagai penghubung antara objektif pengurusan sumber manusia dengan perancangan strategik organisasi.
4. Susun proses perancangan sumber manusia berikut dengan **betul**.

L	-	Membentuk dan melaksanakan perancangan sumber manusia.
M	-	Menentukan penawaran dan permintaan buruh.
N	-	Meramalkan keperluan sumber manusia.
O	-	Menilai pelaksanaan perancangan sumber manusia.
P	-	Perbandingan antara keperluan dan penawaran buruh.

- A N, M, P, L, O
- B L, P, M, O, N
- C N, L, P, M, O
- D O, P, L, M, N

Soalan 5 dan 6 adalah berdasarkan maklumat di bawah.

Cik Sofea ingin membesarkan kilangnya dalam tempoh 3 tahun akan datang. Pada masa ini kilang Cik Sofea boleh memuatkan 60 buah mesin sehingga 120 buah mesin sebagaimana jadual berikut:


Bilangan Mesin (buah)	Bilangan Juruteknik (orang)
20	15
30	25
40	38
60	45
80	70
90	80

Jadual 1

5. Berdasarkan jadual 1, berapakah bilangan juruteknik yang diperlukan bagi menyelenggara mesin berkenaan?
- A 105 hingga 110 orang.
 - B 110 hingga 120 orang.
 - C 125 hingga 130 orang.
 - D 135 hingga 140 orang.
6. Bagaimanakah kaedah ini membantu Cik Sofea dalam menentukan keperluan sumber manusia apabila berlakunya pembesaran kilangnya?
- A Ramalan dilakukan seperti mana kaedah analisis trend.
 - B Ramalan keperluan sumber manusia dihasilkan mengikut garisan.
 - C Ramalan dibuat berdasarkan pemboleh ubah bersandar dan tidak bersandar.
 - D Ramalan dilaksanakan berdasarkan hasil jualan yang akan dikira dalam persamaan produktiviti juruteknik.

7. Apakah kegunaan deskripsi kerja?
- A Menentukan proses pemilihan.
 - B Menentukan keperluan latihan.
 - C Menentukan pengambilan pekerja.
 - D Menentukan arahan kepada pekerja.

Soalan 8 dan 9 adalah berdasarkan iklan di bawah.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

****IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN****
****DI HAB PENDIDIKAN TINGGI PAGOH****

PIHAK SPK HAB PENDIDIKAN TINGGI PAGOH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MENCARI CALON BERKELAYAKAN BAGI KEKOSONGAN JAWATAN SEPERTI
BERIKUT:

JAWATAN : PEKERJA SAMBILAN HARIAN GRED 19
(PENYELAMAT KELEMASAN)

KEKOSONGAN : 1 KEKOSONGAN

KADAR UPAH : RM54/SEHARI

SYARAT KELAYAKAN :

- a) LELAKI
- b) MEMILIKI KEPUJIAN SEKURANG-KURANGNYA GRED C DALAM SUBJEK BAHASA MELAYU PADA PERINGKAT SIJIL PELAJARAN MALAYSIA.
- c) MEMPUNYAI ASAS KEMAHIRAN RENANG DAN MENYELAMAT.
- d) *BRONZE MEDALLION CERTIFICATE* ADALAH SATU KELEBIHAN.

DOKUMEN :

- a) RESUME LENGKAP (BESERTA GAMBAR).
- b) SALINAN SIJIL SPM.
- c) SALINAN SIJIL KURSUS RENANG/ PENYELAMAT YANG DIKTIRAF.

DESKRIPSI TUGAS :

- a) MEMBANTU MELAKSANAKAN PROGRAM-PROGRAM SERTA AKTIVITI BERKAITAN BELIA DAN SUKAN DI HAB PENDIDIKAN TINGGI PAGOH.
- b) MENJALANKAN TUGAS PENYELAMAT (LIFEGUARD) DI KAWASAN PUSAT AKUATIK.

CARA MEMOHON :
CALON DIKEHENDAKI MENGHANTAR RESUME/ DOKUMEN YANG LENGKAP SECARA EMAIL (SOFTCOPY) KEPADA
NAMA PEGAWAI : ADILAH NUR FATANAH BINTI ABDUL RAHMAN
EMAIL : adilah.fatanah@moe.gov.my
NO. TELEFON : 06-9742423

TARIKH TUTUP PERMOHONAN :
***16 FEBRUARI 2020 (AHAD) SEBELUM JAM 12:00 TENGAH HARI**

*Calon yang layak sahaja akan dihubungi melalui telefon atau e-mel untuk sesi temu duga.

Iklan 1

8. Berdasarkan iklan di atas, manakah antara berikut merupakan contoh butiran kerja?
- A Lelaki.
 - B Kadar upah: RM54 sehari.
 - C Resume lengkap (berserta gambar).
 - D Nama pegawai: Adilah Nur Fatanah.
9. Manakah antara berikut termasuk dalam kelayakan sampingan?
- A *Bronze Medallion Certificate* adalah satu kelebihan.
 - B Mempunyai asas kemahiran renang dan menyelamat.
 - C Menjalankan tugas penyelamat di Kawasan Pusat Akuatik.
 - D Memiliki kepujian sekurang-kurangnya gred C dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).
10. Apakah aktiviti awal yang perlu dilakukan oleh seorang penemu duga sebelum melaksanakan sesi temu duga?
- A Menyediakan set soalan.
 - B Mengenal pasti kaedah temu duga.
 - C Menentukan objektif khusus temu duga.
 - D Menentukan masa dan tempat bagi sesi temu duga.
11. Apakah maklumat penting yang perlu ada dalam borang permohonan pekerjaan?
- i. Butiran peribadi.
 - ii. Minat.
 - iii. Maklumat saksi.
 - iv. Butiran perubatan.
- A i dan ii
 - B ii dan iii
 - C iii dan iv
 - D I dan iv

12. Dalam sesi temu duga, Encik Jalal telah memberikan markah yang tinggi kepada Cik Suria kerana Cik Suria lebih menonjol dalam sesi temu duga berbanding dengan calon sebelum itu.

Pernyataan 2

Apakah kesilapan temu duga yang telah dilakukan oleh Encik Jalal?

- A Kesan kontras.
 - B Prasangka peribadi.
 - C Keputusan pemilihan.
 - D Kecenderungan memusat.
13. Dialog berikut berkaitan dengan proses temu duga.

Penemu duga	:	Apa khabar Cik Melati?
Calon temu duga (Cik Melati)	:	Alhamdulillah, saya sihat encik.
Penemu duga	:	Macam mana perjalanan ke sini? Ada berlaku sebarang kesesakan jalan raya?
Calon temu duga (Cik Melati)	:	Alhamdulillah encik, tiada berlaku kesesakan jalan raya. Semua <i>clear</i> .

Dialog 1

Berdasarkan dialog 1, apakah elemen yang sesuai diamalkan dalam proses temu duga?

- A Menjalinkan hubungan mesra.
- B Mengamalkan pendengaran aktif.
- C Memberi peluang kepada calon untuk bercakap.
- D Pertukaran maklumat antara penemu duga dengan calon kerja.


14. Dalam sesi temu duga, Encik Farid begitu aktif memberikan pandangan dan idea kepada calon kerja. Ini menyebabkan calon kerja tidak berpeluang untuk berkomunikasi.

Pernyataan 3

Apakah kesalahan yang telah dilakukan oleh Encik Farid semasa melaksanakan pemilihan pekerja?

- A Sampel gelagat.
- B Dominasi penemu duga.
- C Terlalu banyak bercakap.
- D Kecenderungan memusat.

15. Graf di bawah menunjukkan situasi ekonomi negara yang kian merosot.



Graf 1

Berdasarkan graf 1, apakah kesan kemerosotan ekonomi kepada pasaran kerja dalam jangka masa panjang?

- i. Penggunaan tenaga manusia secara optimum.
- ii. Kuasa pengambilan pekerja terhad.
- iii. Wujud lambakan sumber tenaga manusia dalam pasaran.
- iv. Penawaran terhadap sumber manusia meningkat secara berterusan.

- A i dan ii
- B ii dan iii
- C iii dan iv
- D i dan iv

16. Apakah kebaikan yang boleh diperoleh sekiranya majikan menggunakan sumber perekrutan dalaman?

- i. Semangat dan motivasi pekerja meningkat.
- ii. Mengekalkan idea yang konsisten dalam organisasi.
- iii. Menggalakkan peluang untuk mendapatkan pekerja yang berpelajaran tinggi dan berkualiti.
- iv. Pekerja akan diberikan ganjaran atas sumbangan cemerlang yang telah diberikan.

- A i dan ii
- B ii dan iii
- C iii dan iv
- D i dan iv

17.

Amir merupakan Pegawai Kewangan di Kekwa Sdn. Bhd. Beliau telah mendapat tawaran pekerjaan sebagai Eksekutif Kewangan daripada Bakawali Holdings. Bakawali Holdings telah berjanji kepada Amir akan memberi gaji yang lumayan, elaun perkhidmatan serta bonus yang lebih tinggi berbanding Kekwa Sdn. Bhd. sekiranya Amir bekerja dengan syarikatnya.

Pernyataan 4


Berdasarkan pernyataan 4, apakah sumber perekrutan yang sesuai dengan situasi di atas?

- A Pesaing.
- B Organisasi lain.
- C Rakan setugas.
- D Kenaikan pangkat.

18. Pilih padanan yang **betul** tentang sumber manusia dalaman dan luaran tentang perekrutan di Megah Holdings.

	Sumber Dalaman	Sumber Luaran
A	Amir tidak memerlukan latihan yang intensif kerana beliau arif tentang budaya kerja Megah Holdings.	Permohonan yang diterima oleh Jabatan Sumber Manusia melebihi 1000 permohonan. Ini menyebabkan Jabatan Sumber Manusia mengambil masa tiga minggu untuk menyenarai pendek calon temu duga.
B	Shahril tidak dapat merangka projek perumahan yang baharu kerana beliau kebuntuan idea.	Latifah telah dinaikkan pangkat sebagai Pengurus. Beliau didapati lebih bersemangat untuk melaksanakan tugas
C	Iklan jawatan kosong Megah Holdings telah menarik perhatian Kamariah untuk menerima jawatan yang ditawarkan.	Pham berasa hampa kerana jawatan sebagai Pegawai Pemasaran telah diisi oleh pekerja baharu yang lain.
D	Calon-calon yang hadir dalam sesi temu duga terdiri daripada latar belakang pelbagai bidang kepakaran.	Pembentangan Laporan Kewangan bagi tahun 2022 mendapati Megah Holdings telah berjaya mengurangkan kos pengambilan dan latihan pekerja.

19. Rajah berikut berkaitan dengan langkah meningkatkan keberkesanan perekrutan luaran.




Rajah 1

Apakah X?

- A Melaksanakan bajet.
- B Mengira nisbah hasil.
- C Membuat perbandingan.
- D Mengumpulkan maklumat.

20. Gambar di bawah merupakan satu iklan jawatan kosong menggunakan borang permohonan melalui internet.



Discover your potential with Petronas

careers.petronas.com/my/careers/1162/PETRONAS/16/10/2023/16/10/2023/16/10/2023

Welcome to PETRONAS Careers

Returning visitors :
Log in to your registered account to manage your profile, view your application status or submit new application to our advertised jobs.

First time visitors :
Click here to register a new account

Username: *

Password: *

Accessibility

[Reset Password](#)

Copyright © 2015 Petrolim Nasional Berhad (PETRONAS) (20076-K). All rights reserved.

Iklan 2

Antara berikut, manakah **tidak benar** tentang iklan di atas?

- A Melibatkan reputasi organisasi dan imej produk.
- B Melibatkan capaian yang meluas oleh kebanyakan pemohon.
- C Melibatkan prosedur penghantaran borang permohonan menjadi sangat mudah.
- D Melibatkan proses penilaian calon dari segi latar belakang, sikap dan gelagat yang dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

[40 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada Kertas Jawapan.

SOALAN 1

- a. Anda diminta untuk menyediakan borang penilaian temu duga berdasarkan komponen berikut:
- i. **empat (4)** penampilan diri calon.
 - ii. **empat (4)** kompetensi calon.
 - iii. **empat (4)** kebolehan calon.

(18 markah)

- b. Pada pandangan anda, apakah yang menyebabkan pihak majikan mengadakan sesi temu duga awal dalam proses pemilihan seseorang calon?

(12 markah)

SOALAN 2

- a. Penggunaan e-pengambilan merupakan satu kaedah yang mudah dan boleh menjimatkan kos pengiklanan. Walau bagaimanapun, terdapat majikan yang masih lagi menggunakan sistem manual dalam merekrut pekerja. Mengapakan keadaan ini masih lagi berlaku?

(13 markah)

- b. Cadangkan **empat (4)** garis panduan berkesan untuk memastikan sesuatu iklan jawatan kosong itu menarik.

(17 markah)

[60 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT



